

Tinjauan Awal Pembangunan Sistem e-Merit: Penilaian Alternatif Penglibatan Penghuni Kolej Tun Hussein Onn

Norinsan Kamil Othman, Zurina Ahmad Saidi, Hukil Sino, Koh Kuan Wei & Wan Muhammad
Hidayat Wan Shukri
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

ABSTRAK

Pembangunan sistem e-Merit dilaksanakan di Kolej Tun Hussein Onn adalah disebabkan oleh pertambahan bilangan pelajar yang ingin tinggal di kolej ini lebih daripada kapasiti penempatan yang ditawarkan. Oleh sebab itu, Sistem e-Merit dibangunkan bertujuan untuk memilih warga KTHO yang benar-benar boleh memberi sumbangan dan aktif dalam penglibatan program-program di kolej dan universiti. Aktiviti anjuran kolej kediaman sentiasa berobjektif untuk melahirkan pelajar yang berkeyakinan tinggi, proaktif, produktif dan berdaya saing tidak kira di peringkat kolej, universiti mahupun antarabangsa. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa masalah dalam menentukan penempatan penghuni kolej dan prosedur menyemak merit penghuni di setiap penghujung semester bagi setiap sesi pembelajaran. Dalam kajian ini, tinjauan awal dilakukan untuk menilai keberkesanan sistem e-Merit dalam membantu membuat penilaian terhadap penglibatan pelajar kolej. Teknik pensampelan secara kebetulan digunakan untuk memilih sampel kajian iaitu sebanyak 197 orang responden kolej kediaman Tun Hussein Onn (KTHO). Data kajian adalah melalui edaran borang soal selidik menerusi atas talian. Hasil kajian menunjukkan 77.2% responden merasakan sistem e-Merit lebih telus dan memudahkan responden mengakses mahupun menyemak merit pada bila-bila masa sahaja berbeza dengan sistem merit sebelum ini yang menggunakan buku merit. Oleh itu, kajian ini menyumbang kepada pentingnya pembangunan sistem e-Merit yang bersifat komprehensif dan mesra pengguna. Dengan adanya sistem e-Merit, ia memberikan kesan positif terhadap penglibatan penghuni kolej terhadap aktiviti-aktiviti dan program kolej khususnya.

Kata kunci: Sistem e-Merit; Aktiviti Kolej; Program Kolej; Penglibatan pelajar, Kolej Tun Hussein Onn, Universiti Kebangsaan Malaysia

PENGENALAN

Perkembangan budaya IT (*Information Technology*) kini semakin berkembang pesat dan ia menjadi impian Malaysia untuk melahirkan individu yang celik minda tentang teknologi semasa. Oleh itu, pembentukan sistem e-Merit merupakan salah satu langkah proaktif daripada Kolej Tun Hussein Onn yang menyahut cabaran ini. Sistem e-Merit mula dipraktikkan di Kolej Tun Hussein Onn pada sesi pengajian 2017/2018. Penghuni KTHO dinilai dan diberikan markah mengikut jawatan dan komitmen sepanjang pelaksanaan program serta dipantau oleh barisan majlis eksekutif Pelajar (MEP), Felo Penghuni dan Pengurusan kolej. Pelajar diberikan markah merit selepas tamat aktiviti atau program yang disertai dan pelajar juga boleh diberikan demerit mengikut kepada beberapa faktor lain yang membolehkan merit penghuni ditolak. Rekod merit

ini dicatatkan sepanjang sesi pengajian dan pada akhirnya dikumpul dan dinilai untuk membolehkan pihak pengurusan untuk membuat penilaian akhir bagi menerima penempatan pelajar di semester hadapan apabila permintaan melebihi penawaran.

Rasionalnya melaksanakan sistem e-Merit ini adalah untuk menjadi penilaian alternatif kepada pengurusan untuk pengambilan pelajar sekiranya mendapat permohonan yang luar biasa (permintaan melebihi penawaran) daripada pelajar. Selain itu, sistem ini dapat memberikan penilaian yang lebih komprehensif dan adil dalam melihat sumbangan penghuni yang dahulu aktif dalam aktiviti-aktiviti kolej. Secara tidak langsung ini dapat menggalakkan penghuni melibatkan diri dalam aktiviti yang telah dirancang secara tersusun dan berjadual supaya penghuni memperoleh merit dan seterusnya dapat mengingati di kolej pada sesi pengajian seterusnya. Oleh itu, rekod yang diperoleh pada akhir setiap semester digunakan oleh pihak pengurusan KTHO sebagai asas untuk menentukan sama ada penghuni kolej untuk semester tersebut masih layak ataupun tidak untuk terus menetap di kolej kediaman KTHO. Selain itu, ia merupakan rujukan lengkap selain SMPWeb pelajar kepada pihak pengurusan untuk memperoleh maklumat secara cepat dan tepat sekiranya ada kecemasan.

Oleh hal yang demikian, pelajar lebih mengambil inisiatif dan memahami sepenuhnya tentang penyertaan dan penglibatan penghuni terhadap aktiviti-aktiviti mahupun program-program anjuran kolej dan universiti. Sistem e-Merit ini juga menaikkan lagi semangat penghuni untuk menyertai program-program yang dianjurkan. Selain itu, penghuni juga berasa positif dan lebih peka terhadap informasi dan maklumat di samping meningkatkan kemahiran insaniah (*soft skill*). Hal ini dijelaskan oleh Ishak et al. (2017) pengurusan sistem merit akan menjadi penilai utama berdasarkan merit kerana penempatan asrama mahupun kolej kediaman di Universiti yang memerlukan satu mekanisme penilaian yang betul. Penggunaan mekanisme sistem merit baik secara manual mahupun atas talian adalah perlu untuk memastikan penghuni bergiat aktif dan pengurusan berhak mengeluarkan penghuni yang tidak memberi apa-apa kepentingan kepada kolej kediaman. Sehubungan itu, sistem e-Merit Kolej Tun Hussein Onn dilaksanakan dengan menggabungkan penggunaan sambungan internet, peranti mudah alih, aplikasi web untuk merekod penyertaan dan penglibatan penghuni KTHO. Oleh hal yang demikian, kemudahan capaian internet merupakan pra-syarat kepada penggunaan perkhidmatan sistem e-Merit (Kasimin & Sahari 2011).

Perkembangan sistem atas talian merupakan suatu sistem alternatif bagi menggantikan buku bercetak yang bermula sejak 1990-an (Goodwin-Jones 2003). Oleh itu, menurut Becket (2003) berpendapat bahawa satu sistem peranti mudah alih dan bersaiz kecil perlu dicipta dan lebih mesra pengguna. Pengguna aktif dalam sistem atas talian cenderung melibatkan diri dalam pemikiran kritikal seperti pembelajaran dan membuat keputusan manakala pengguna pasif lebih cenderung kepada tidak melibatkan diri dalam mana-mana pembuatan keputusan mahupun penyertaan. Menurut Khan (2013) menjelaskan penilaian bahawa penilaian prestasi merupakan satu sistem formal untuk menilai kualiti prestasi seseorang. Oleh itu satu tinjauan yang tidak boleh dilihat perlu melalui proses penting dalam sistem pengurusan prestasi yang boleh menghubungkan objektif pentadbiran, prestasi, pembangunan profesional serta ganjaran dan insentif. Oleh itu, Khan (2013) menyatakan sistem penilaian merupakan satu sistem yang sistematik terhadap seseorang individu dengan melihat prestasi dalam penyertaan dan pekerjaan dan potensi untuk pembangunan.


Begitu juga dengan AlBar & Hoque (2015) menjelaskan bahawa keberkesanan penilaian prestasi ini adalah penting dalam membangunkan manusia pada abad ke 21 ini dengan

penglibatan menyeluruh sumber maklumat dan teknologi maklumat (ICT) serta sistem-sistem yang mempunyai pencirian luas untuk kepentingan semua pihak. Hal ini disokong oleh Hamdan Adnan (2017) yang menyatakan teknologi maklumat dan sistem internet lagi memudahkan urusan rasmi mahupun tidak rasmi serta impak penggunaannya mempengaruhi tindakan dan perilaku seseorang.


Secara ringkasnya, penilaian boleh difahami dengan menilai prestasi dan markah merit prestasi seseorang individu dengan cara yang sistematik, diukur dengan item faktor-faktor sokongan seperti penyertaan dan penglibatan, kualiti dan kuantiti, kebolehan kepimpinan, penyeliaan pihak tertinggi, kerjasama dan lain-lain faktor. Sistem ini bukan sahaja berkemampuan malah ia membantu pelajar untuk mempunyai pengetahuan yang relevan dan terkini, kemahiran insaniah serta sikap yang positif untuk melengkapkan mereka sebelum berdepan dengan cabaran kerja nanti (Jamil et al. 2016).

Cirian Sistem e-Merit KTHO


Gambar 1: Daftar masuk ke *page* utama portal merit Kolej Tun Hussein Onn



Gambar 2: Menu Sistem Merit untuk pentadbiran dan Felo penghuni




Gambar 3 Pengisian Markah merit penghuni menggunakan No Matrik




Semakan Penghuni Kolej Tun Hussein Onn

Gambar 4: Portal e-Merit untuk pelajar mengakses



Pelajar yang ingin menyemak merit perlu masukkan nombor matrik di bahagian "Semakan Merit"

Gambar 5: Jumlah Merit



Paparan jumlah merit pelajar. Pelajar perlu klik pada "Details" untuk melihat perincian program dan merit yang diberikan.

Gambar 6: Rekod jawatan yang disandang

The screenshot shows the KTHO System web interface. At the top, there is a header with the KTHO logo and the text 'SISTEM MERIT KTHO SISTEM MERIT KOLEJ TUN HUSSEIN ONN'. Below the header is a large orange button labeled 'PRINT RECORDS'. The main content area displays a table with the following data:

Id	Name	Matric	Program/Ulasan	Jawatan	Merit	Status
1	LIEW KAI JIAN	A160226	MALAM APRESIASI BSMM DET 88Z	PESERTA / PENONTON	1	APPROVE
2	LIEW KAI JIAN	A160226	SEMPEC	AHLI JAWATANKUASA (PROGRAM BIASA)	6	APPROVE
3	LIEW KAI JIAN	A160226	KELAS BAHASA MANDARIN	MAJLIS TERTINGGI (PROGRAM BIASA)	10	APPROVE
4	LIEW KAI JIAN	A160226	MALAM ANUGERAH PELAJAR KE 21	AHLI JAWATANKUASA (PROGRAM MEGA)	8	APPROVE
5	LIEW KAI JIAN	A160226	PROGRAM KEMBARA MAJU BERSAMA NEGARAKU 2018 (VOLUNTEERS IM4U)	MEP	3	APPROVE
6	LIEW KAI JIAN	A160226	TAKLIMAT PROGRAM MOBILITI/PERTUKARAN PELAJAR	MEP	12	APPROVE
7	LIEW KAI JIAN	A160226	KELAB HELAA	MEP	12	APPROVE

Paparan rekod program, jawatan dan merit yang diperoleh oleh pelajar.

Gambar 7: Mencetak rekod

The screenshot shows the same KTHO System web interface as in Gambar 6, but with a print dialog box open on the left side. The dialog box has the following settings:

- Print: Total: 1 page
- Destination: Save as PDF
- Pages: All
- Layout: Portrait

The table of job records is visible in the background, showing 10 records for the student LIEW KAI JIAN. The table data is as follows:

Id	Name	Matric	Program/Ulasan	Jawatan	Merit	Status
1	LIEW KAI JIAN	A160226	MALAM APRESIASI BSMM DET 88Z	PESERTA / PENONTON	1	APPROVE
2	LIEW KAI JIAN	A160226	SEMPEC	AHLI JAWATANKUASA (PROGRAM BIASA)	6	APPROVE
3	LIEW KAI JIAN	A160226	KELAS BAHASA MANDARIN	MAJLIS TERTINGGI (PROGRAM BIASA)	10	APPROVE
4	LIEW KAI JIAN	A160226	MALAM ANUGERAH PELAJAR KE 21	AHLI JAWATANKUASA (PROGRAM MEGA)	8	APPROVE
5	LIEW KAI JIAN	A160226	PROGRAM KEMBARA MAJU BERSAMA NEGARAKU 2018 (VOLUNTEERS IM4U)	MEP	3	APPROVE
6	LIEW KAI JIAN	A160226	TAKLIMAT PROGRAM MOBILITI/PERTUKARAN PELAJAR	MEP	12	APPROVE
7	LIEW KAI JIAN	A160226	KELAB HELAA	MEP	12	APPROVE
8	LIEW KAI JIAN	A160226	KELAB GENGKAW	AHLI BIASA (ORGANISASI / KELAB)	4	APPROVE
9	LIEW KAI JIAN	A160226	HUSSEIN ONN CHINESE CLUB	MAJLIS TERTINGGI (ORGANISASI / KELAB)	10	APPROVE
10	LIEW KAI JIAN	A160226	MERT SEM LEPAS		83	

Pelajar boleh mencetak rekod merit untuk tujuan rayuan kolej.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji keberkesanan sistem e-Merit yang dilaksanakan di Kolej Tun Hussein Onn (KTHO) dalam membuat penilaian alternatif terhadap penglibatan penghuni kolej KTHO bagi tujuan penempatan pelajar.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini melibatkan penghuni kolej Tun Hussein Onn, Universiti Kebangsaan Malaysia. Responden merupakan pelajar Tahun 1, Tahun 2, Tahun 3, Tahun 4 dan Pascasiswazah dengan meliputi 10 fakulti yang terdapat di UKM sepanjang sesi pengajian 2017/2018. Edaran borang soal selidik dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif berbentuk deskriptif serta menggunakan Teknik Pensampelan Secara Kebetulan (*convenience sampling*) yang melibatkan 197 responden. Satu set soal selidik mengandungi tiga bahagian telah disediakan. Bahagian pertama adalah untuk memperoleh maklumat demografi responden, bahagian kedua adalah Kefahaman dan Maklumat Sistem E-Merit KTHO manakala bahagian ketiga ialah Penglibatan Pelajar serta penilaian Sistem E-Merit. Pemprosesan data dilaksanakan dengan menggunakan sistem perisian *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS)* versi 22.0 serta analisis data adalah dengan menggunakan analisis deskriptif (min dan frekuensi).

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil Responden

Kajian ini melibatkan 72.4% (142 orang) responden perempuan dan 27.6% (55 orang) responden lelaki. Dari segi umur, hampir 47% berada dalam umur 21 tahun diikuti responden yang berumur 20 tahun sebanyak 26.9% (53 orang) responden). Seterusnya diikuti dengan responden yang berumur 22 tahun sebanyak 15.2% (30 orang), 5.58% (11 orang) berumur 24 tahun ke atas, 5.08% (10 orang) berumur 23 tahun dan terakhir adalah responden yang berumur 19 tahun mencatatkan sebanyak 1.01% (2 orang). Seterusnya didapati bahawa majoriti responden Melayu sebanyak 75.6% (149 orang) seterusnya diikuti responden Cina dan India masing-masing adalah sebanyak 20.3% (40 orang) dan 4.06% (8 orang). Lebih 98.5% (194 orang) adalah berstatus bujang manakala selebihnya telah berkahwin dan berkeluarga sebanyak 1.52% (3 orang).

Dari segi tahun pengajian bagi sesi 2017/2018, responden menunjukkan sebanyak 63.1% (123 orang) merupakan pelajar Tahun 1. Hal ini diikuti sebanyak 32.3% (63 orang) responden berada di Tahun 2 pengajian. Terdapat juga responden yang berada di Tahun 3 dan 4 yang mencatatkan sebanyak 2.1% (4 orang) dan 0.5% (1 orang). Responden yang berada di pascasiswazah mencatatkan sebanyak 4.1% (4 orang). Berdasarkan Fakulti responden menunjukkan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) serta Fakulti Sains dan Teknologi (FST) masing-masing mencatatkan sebanyak 32% (63 orang) dan 31.5% (62 orang). Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden yang menetap di Kolej Tun Hussein Onn dimonopoli oleh pelajar daripada kedua-dua Fakulti ini. Bagi Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP) dan Fakulti Pengajian Islam (FPI) masing-masing mencatatkan sebanyak 23.9% (47 orang) dan 10.7% (21 orang) responden. Seterusnya, bagi Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB),

Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM), Fakulti Undang-Undang (FUU) dan Fakulti Sains Kesihatan (FSK) mencatatkan sebanyak 0.5% (1 orang responden).

Jadual 1. Profil Demografi

Komponen	Kategori	Bil	Peratus
Jantina	Perempuan	142	72.4
	Lelaki	55	27.6
Umur	19 Tahun	2	1.01
	20 Tahun	53	26.9
	21 Tahun	91	46.2
	22 Tahun	30	15.2
	23 Tahun	10	5.08
	24 Tahun dan ke atas	11	5.58
Etnik	Melayu	149	75.6
	Cina	40	20.3
	India	8	4.06
Status Perkahwinan	Bujang	194	98.5
	Berkahwin	3	1.52
Tahun Pengajian	Tahun1	123	63.1
	Tahun 2	63	32.3
	Tahun 3	4	2.1
	Tahun 4	1	0.5
	Pascasiswazah	4	4.1
Fakulti	Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)	63	32
	Fakulti Sains dan Teknologi (FST)	62	31.5
	Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP)	47	23.9
	Fakulti Pengajian Islam	21	10.7
	Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB)	1	0.5
	Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM)	1	0.5
	Fakulti Undang- Undang (FUU)	1	0.5
	Fakulti Sains Kesihatan (FSK)	1	0.5

N= 197, 100 peratus

Kefahaman dan Maklumat Sistem e-Merit Kolej Tun Hussein Onn

Untuk membantu penghuni Kolej Tun Hussein Onn (KTHO) memahami dengan lebih mendalam lagi tentang sistem e-Merit, terdapat beberapa perkara asas yang perlu diketahui terlebih dahulu. Analisis mendapati sebanyak 49.7% (98 orang) responden Sangat Tahu tentang pelaksanaan Sistem e-Merit pada sesi pengajian 2017/2018. Seterusnya sebanyak 31% (61 orang) responden memilih Sederhana Tahu, 12.2% (24 orang) memilih Neutral, 2% (4 orang) memilih Tidak Tahu dan seterusnya 5.1% (10 orang) memilih Langsung Tidak Tahu. Hal ini membuktikan bahawa hampir 80% responden telah mengetahui pelaksanaan Sistem e-Merit dan ini membuktikan pelajar ini menyertai program-program anjuran KTHO baik berbentuk aktiviti berterusan mahupun *one-shot programme*.

Walau bagaimanapun, hampir 60% responden menjawab Neutral berkenaan dengan Sistem e-Merit hanya dilaksanakan di Kolej Tun Hussein Onn sahaja. Hal ini demikian kerana kebanyakan kolej kediaman di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) masih lagi menggunakan

buku program mahupun buku merit untuk memberi penilaian kepada penghuni aktif mahupun penghuni tidak aktif. Namun demikian, sebanyak 67% responden memilih Sederhana Tahu dan Sangat Tahu. Seterusnya adalah promosi sistem e-Merit dalam kalangan penghuni KTHO dilihat tidak dilaksanakan secara berstruktur dan teratur. Hal ini dibuktikan sebanyak 73.1% (73 orang) responden memilih Neutral kerana mereka tidak diperjelaskan dengan sebetulnya tentang fungsi dan peranan Sistem e-Merit sepanjang mereka berada dalam sesi pengajian 2017/2018 ini. Responden memilih Sederhana Tahu iaitu sebanyak 19.3% (38 orang) responden, diikuti 16.8% (33 orang) memilih Langsung Tidak Tahu. Seterusnya, sebanyak 15.2% (30 orang) responden memilih Tidak Tahu dan terakhir adalah sebanyak 11.7% (23 orang) responden memilih Sangat Tahu. Kesimpulannya dapat dilihat bahawa pelancaran sistem e-Merit perlu dilaksanakan untuk memastikan bahawa kelompok penghuni KTHO mendapat makluman. Antara promosi yang boleh dilaksanakan adalah dengan membuat pelancaran Sistem e-Merit, mengadakan slot e-Merit sewaktu Minggu Mesra Mahasiswa (MMM) mahupun *banner* dan *poster* ditampal di sekitar kediaman KTHO.

Jadual 2. Kefahaman dan Maklumat Sistem e-Merit Kolej Tun Hussein Onn

Item	Langsung Tidak Tahu		Tidak Tahu		Neutral		Sederhana Tahu		Sangat Tahu	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
	Adakah anda mengetahui akan Sistem E-Merit telah dilaksanakan pada sesi 2018/2019	10	5.1	4	2.0	24	12.2	61	31.0	98
Adakah anda mengetahui Sistem E-Merit hanya dilaksanakan di Kolej Kediaman Kolej Tun Hussein Onn sahaja	38	19.3	32	16.2	60	30.5	30	15.2	37	18.8
Adakah adanya promosi diperkenalkan kepada anda sepanjang sesi pembelajaran	33	16.8	30	15.2	73	37.1	38	19.3	23	11.7
Adakah terdapat perkongsian yang jelas dan berterusan serta maklumat diperolehi dengan mudah	29	14.7	18	9.1	75	38.1	52	26.4	23	11.7
Adakah anda boleh akses dengan mudah di mana-mana sahaja sistem E-Merit	31	15.7	6	3.0	50	25.4	67	34.0	43	21.8

N=197, 100 peratus

Di samping itu sebanyak 38.1% (75 orang) memilih Neutral untuk perkongsian yang jelas dan berterusan serta maklumat yang diperolehi dengan mudah. Seterusnya sebanyak 26.4% (52

orang) responden memilih Sederhana Tahu, diikuti sebanyak 14.7% (29 orang) memilih Langsung Tidak Tahu. Bagi pilihan Sangat Tahu dan Tidak Tahu masing-masing adalah sebanyak 11.7% (23 orang) dan 9.1% (18 orang) responden. Hasil mendapati bahawa kurangnya promosi berkaitan dengan sistem e-Merit menyebabkan penghuni tidak memahami maklumat dengan jelas, Namun demikian, portal sistem e-Merit dilihat mudah diperolehi dan senang difahami.

Rata-rata penghuni menyatakan bahawa mereka boleh akses dengan mudah sistem e-Merit walaupun berada di mana-mana kerana sebanyak 34% (67 orang) dan 21.8% (43 orang) responden memilih Sederhana Tahu dan Sangat Tahu. Ini menunjukkan portal e-Merit adalah mudah diakses kerana bentuk dan sifatnya yang mudah akses dan *catchy* di samping mesra pengguna terutamanya penghuni yang mahu membuat semakan keputusan merit masing-masing.

Penyertaan Pelajar serta Penilaian Sistem E-Merit

Penyertaan penghuni dalam aktiviti atau program di peringkat kolej mahupun peringkat antarabangsa dinilai dengan memberi merit kepada semua penghuni. Oleh hal yang demikian, penghuni KTHO perlu melibatkan diri untuk memastikan mereka memperoleh penempatan untuk sesi akan datang. Oleh itu, sebanyak 30.5% (60 orang) responden memilih Sangat Setuju dengan sistem e-Merit yang dilaksanakan di KTHO. Seterusnya sebanyak 26.4% (52 orang) responden memilih Setuju, diikuti dengan 25.4% (50 orang) responden memilih Agak Setuju. Walau bagaimanapun, terdapat sebanyak 11.2% (22 orang) dan 6.6% (13 orang) responden memilih Sangat Tidak Setuju dan Tidak Setuju. Di samping itu juga, sebanyak 29.4% (58 orang) dan 25.9% (51 orang) responden memilih Setuju dan Sangat Setuju terhadap sistem e-Merit yang bersifat menarik, mudah dan telus. Bagi pilihan Agak Setuju adalah sebanyak 24.45 (48 orang). Terdapat hampir 20% responden tidak setuju dengan maklumat yang terdapat dalam portal sistem e-Merit.

Menerusi tahap kepuasan penghuni KTHO berkaitan dengan pembahagian merit yang diberikan adalah menunjukkan sebanyak 27.9% (55 orang) memilih Setuju, 18.8% (37 orang) responden memilih Sangat Setuju dan 26.4% (52 orang) memilih Agak Setuju. Seterusnya hampir 27% responden tidak bersetuju dengan pembahagian merit yang telah disuai padan dengan jawatan-jawatan yang disandang oleh penghuni.

Seterusnya adalah hampir 77.2% responden menyatakan bahawa sistem e-Merit bersifat telus, mudah akses dan memberi manfaat kepada penghuni. Manakala selebihnya memilih tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Bagi 82.2% (162 orang) responden memilih kurang daripada 15 minit untuk mereka akses sistem e-Merit, diikuti dengan 13.2% (26 orang) responden memilih 16 minit hingga 1 jam untuk mengakses dan terakhir adalah 4.6% (9 orang) responden memilih lebih daripada 2 jam.

Jadual 3. Penyertaan Pelajar serta Penilaian Sistem E-Merit

Item	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Agak Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Saya sangat berminat dengan Sistem E-Merit yang diperkenalkan oleh pengurusan Kolej Tun Hussein Onn	22	11.2	13	6.6	50	25.4	52	26.4	60	30.5
Saya fikir apa yang saya perolehi daripada sistem e-Merit adalah menarik	26	13.2	14	7.1	48	24.4	58	29.4	51	25.9
Saya berpuas hati dengan pembahagian merit yang diberikan	33	16.8	20	10.2	52	26.4	55	27.9	37	18.8
Saya berasa bangga kerana Sistem E-Merit hanya dilaksanakan di Kolej Tun Hussein Onn sahaja	28	14.2	9	4.6	55	27.9	50	25.4	55	27.9
Sistem E-Merit bersifat telus, mudah akses dan memberikan manfaat kepada saya	29	14.7	16	8.1	50	25.4	60	30.5	42	21.3

N=197, 100 peratus

Dari segi waktu dan masa yang sesuai untuk mengakses portal sistem e-Merit menunjukkan sebanyak 68.5% (135 orang) memilih bila-bila masa, diikuti dengan 20.3% (40 orang) memilih penghujung semester dan 11.2% (22 orang) memilih hujung minggu. Seterusnya sebanyak 61.9% (122 orang) menyatakan Ya terhadap kunjungan ke portal e-Merit kerana tarikan yang menarik dan mudah difahami manakala sebanyak 38.1% (75 orang) responden Tidak merasa tertarik untuk berkunjung ke portal e-Merit.

Jadual 4. Masa dan Waktu Akses Portal E-Merit

Item	Komponen	Bil	Peratus
Masa yang diambil untuk akses Sistem e-Merit	Kurang daripada 15 minit	162	82.2
	16 minit hingga 1 jam	26	13.2
	Lebih Daripada 2 Jam	9	4.6
Waktu yang sesuai untuk akses portal e-Merit	Bila-bila masa	135	68.5
	Hujung Minggu	22	11.2
	Penghujung Semester	40	20.3
Portal e-Merit menarik perhatian untuk dikunjungi	Ya	122	61.9
	Tidak	75	38.1

N=197, 100 peratus

Status Penglibatan dan Penyertaan Penghuni Mengikut Nilai Merit

Penglibatan dalam kalangan penghuni secara kolektif dilihat dengan markah merit terkumpul di setiap penghujung semester bagi setiap sesi pengajian. Pemberian markah merit terkumpul ini memberi kesedaran kepada penghuni untuk turut serta dalam aktiviti yang dianjurkan sebagai tanda sokongan kepada kolej. Hasil analisis menunjukkan responden mempunyai penglibatan yang tinggi dalam setiap program anjuran Kolej mahupun Universiti.

Kebolehpayaan Penghuni Tambah Nilai Kemahiran Insaniah dalam Penyertaan

Sistem e-Merit dipercayai boleh membawa kepada kebolehpayaan penghuni dalam menambah nilai kemahiran insaniah kerana ia membantu penghuni dalam menyertai program kolej dan universiti. Ia juga membantu dalam membaiki interaksi, memperkasakan perhubungan awam melalui akses dan maklumat serta membantu penghuni mentadbir sesebuah organisasi. Menurut Sahari et al (2009), sistem penyampaian jalur lebar ini mempunyai faedah yang tinggi termasuklah meningkatkan ketelusan, memberi kemudahan yang lebih baik, meningkatkan penglibatan dan penyertaan dalam kalangan pengguna, lebih cekap serta mengurangkan kos.

Penyediaan kemudahan sistem e-Merit tidak mencukupi sekiranya penghuni tidak mempunyai kebolehpayaan dalam menambah nilai kemahiran insaniah dalam penyertaan di peringkat kolej mahupun Universiti. Oleh itu, penyertaan penghuni mempengaruhi tahap penggunaan dan meningkatkan akses penghuni terhadap sistem e-Merit. sistem tidak memuaskan hati pengguna.

Sistem e-Merit Telus dan Meyakinkan

Kajian ini menunjukkan bahawa sistem e-Merit dan teknologi atas talian meningkatkan kecekapan sistem dari segi tahap ketersediaan yang boleh diterima oleh pengguna sistem e-Merit ini. Kepuasan pengguna sistem e-Merit secara logiknya sekiranya pengguna berpuas hati dan meyakinkan berpotensi untuk diulangi perkhidmatannya dan penghuni akan menghebahkan maklumat yang positif kepada pengguna lain (Rohaizat Baharun 2003). Menurut Zainuddin et al (2004) kepuasan pengguna terhadap penggunaan sistem rangkaian bergantung kepada faktor dalaman dan luaran. Penggunaan teknologi sebegini membantu meningkatkan keberkesanan sistem berdasarkan maklum balas responden. Oleh hal yang demikian, kepuasan dan keyakinan sistem e-Merit semakin meningkatkan berdasarkan kepada skor-skor yang terdapat dalam pencirian sistem dan khidmat teknikal sistem e-Merit.

KESIMPULAN

Sistem e-Merit yang dibangunkan ini adalah untuk memudahkan pengguna dalam memahami penilaian yang dilaksanakan di peringkat kolej. Secara keseluruhannya, keberkesanan sistem e-Merit adalah baik berdasarkan peratusan data yang dianalisis daripada responden berkaitan dengan kefahaman dan maklumat sistem e-Merit KTHO serta penglibatan pelajar dalam penilaian e-Merit. Namun demikian, sistem e-Merit perlu ditambah baik dari semasa ke semasa serta mesra pengguna. Oleh itu, portal sistem e-Merit sentiasa dikunjungi oleh pengguna dan bersifat mesra, mudah dicapai serta penyampaian maklumat yang padat dan lengkap.

RUJUKAN

- AlBar, A.M. & Hoque, M. R. 2015. Development of web-based e-discipline system: A case study for the kingdom of Saudi Arabia. *Journal of Advance in Computer Networks* 3 (3): 243 – 246.
- Beckertt, R. 2003. Communcation ethics: Principle and practice. *Journal of Communication Management* 8 (1): 41-52.
- Godwin-Jones, R. 2003. E-books and the tablet PC. *Language, Learning & Technology* 7 (1): 4.
- Ishak, I., Rahman, N.S.A., Hamdan, H., & Sidi, F. 2017. Merit2U: An IoT-based merit point management system for university students' hostel application. *International Symposium on Consumer Electronics (ISCE)*
- Jamil, M.Z.A.M., Othman, N.K., Rahman, I.A., Mohamed, F. & Zainuddin, Z. 2016. Keberkesanan pelaksanaan sistem latihan amali/ industry dalam pengurusan penempatan latihan industry bagi pelajar Pusat Pengajian Fizik Gunaan. *Jurnal Personalia Pelajar* 19(6): 39-48.
- Kasimin, H. & Sahari, N. 2011. Kesedaran dan penggunaan perkhidmatan awam dalam talian di kalangan berbagai golongan rakyat. *Prosiding PERKEM VI* 1:193-202.
- Khan, M.F.U. 2013. Role of performance appraisal system on employees motivation. *IOSR Journal of Business and Management* 8 (4): 66-83.
- Mohd Hamdan Adnan. 2017. Perlakuan pengguna penjawat awam Sabah dan penggunaan internet. *Jurnal Komunikasi Bornea* 5 (4): 39 – 62.
- Rohaizat Baharun. 2003. Kepuasan pengguna selepas pengiktirafan ISO 9001: Kajian kes sebuah fakulti di Universiti Teknologi Malaysia. *Jurnal Teknologi* 38€: 15-26.
- Sahari, N., Noor, M.Z. & Kasimin, H. 2009. Prestasi perkhidmatan e-kerajaan daripada perspektif pengguna. *Prosiding PERKEM IV* 1: 250- 260.
- Zainudin, S., Omar, K., Hashim, J., Deraman, A. & Amin, H.M. 2004. Penilaian kepuasan pengguna terhadap penggunaan sistem rangkaian komputer berteknologi kluster di Unit Perancang ekonomi. *Jurnal Teknologi maklumat & Multimedia* 1: 63-72.